



Buletin

e-ISSN: 2600-8289

Zulkaedah 1443/ Jun 2022

ACIS

Sejarah Kejayaan Terbesar Umat Islam Di Rantau Laut Hitam

eISSN 2600-8289



9 7 7 2 6 0 0 8 2 8 0 0 1

MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI 2022

Oleh:

Suhaila Sharil

Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau

Ahmad Faiz bin haji Ahmad Ubaidah

Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau

REMBAU 19 Mei 2022, Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2022 telah diadakan di Dewan Biduanda anjuran UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau. Majlis ini bermula pada jam 10 Pagi dan tamat pada jam 1 Petang. Acara dimulakan dengan aluan daripada Pengacara Majlis iaitu Encik Mohd Faisal Md Noor dan Farah Hazween Amanah. Persiapan majlis telah bermula sehari sebelum iaitu pada 18 Mei 2022 bagi menghias dewan mengikut jabatan. Akademi Pengajian Islam Kontemporari turut tidak ketinggalan dengan diberi tugas untuk menyediakan lemang bersama Pensyarah daripada Sains Komputer dan Matematik dan kakitangan Hal Ehwal Islam. Proses tempahan makanan telah dilakukan oleh Ustazah Suhaila Sharil dan proses pengambilan makanan dilaksanakan oleh Ustaz Mohd Hidayat Mahadi manakala Dr. Adibah Bahori membawa peralatan untuk menghias booth seperti bunga, cawan dan teko.



Selain itu, Ustaz Muhammad Noor Hussin pula telah membantu membelah lemang sementara menunggu kedatangan ahli JKEN. Koordinator Akademi Pengajian Islam Kontemporari iaitu Ustaz Ahmad Faiz Haji Ahmad Ubaidah memainkan peranan besar dalam menguruskan segala perbelanjaan dan pengeluaran mengenai kewangan untuk membeli semua peralatan, kelengkapan dan makanan. Ustazah Ros Amira Ruslan telah membantu membeli beberapa peralatan dekorasi di kedai berhampiran. Walaupun kelengkapan tersebut tidak mencukupi namun hasil idea daripada pensyarah-pensyarah Fakulti Sains Komputer dan Matematik telah membuatkan booth tersebut kelihatan ceria dengan hiasan kain batik dan buah kelapa. Kain batik tersebut digubah menjadi bunga supaya hiasan di meja bertambah seri. Pelita juga turut digunakan bagi menandakan kemeriahan di Aidilfitri.



Pada jam 10 Pagi ketibaan Ahli Jawatankuasa Eksekutif Negeri dan Warga Kampus ke Dewan Biduanda dan bacaan doa oleh Ustaz Zamri Samsudin. Tepat jam 10.30 Pagi Ucapan daripada Penolong Rektor UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau dan Jamuan Makan. Tema pada Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2022 ini adalah tema klasik. Sementara pensyarah menikmati hidangan, acara diserikan dengan tayangan montaj dan persembahan tarian oleh Kelab Ragenda serta Persembahan Nyanyian. Pengacara majlis memeriahkan suasana dengan turut menyanyikan lagu Aidilfitri. Kakitangan juga merakamkan ucapan Selamat Hari Raya dan menyanyikan lagu Aidilfitri untuk menghangatkan dewan. Pada jam 11.30 Pagi tibalah acara kemuncak iaitu pengumuman pemenang pertandingan pakaian lelaki dan Wanita tercantik serta booth terbaik. Pemenang membawa pulang hadiah berupa hamper dan wang tunai.

Alhamdulillah majlis tamat dengan jayanya pada jam 1 Petang bersama sesi fotografi. Kebanyakan Pensyarah sangat gembira kerana telah 2 tahun tidak berkesempatan untuk melaksanakan sambutan Aidilfitri di Peringkat Universiti disebabkan Pandemik Covid-19. Setinggi penghargaan kepada semua Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari dan Pensyarah Sains Komputer dan Matematik serta kakitangan Hal Ehwal Islam UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau atas Kerjasama yang diberikan dengan menjayakan Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2022.